BANK TAWAR PENANGGUHAN BAYARAN BALIK PINJAMAN/PEMBIAYAAN

Pinjaman/Pembiayaan untuk SME dan individu

Bank Negara Malaysia dalam kenyataan akhbar bertarikh 25 Mac 2020 mengumumkan pihak bank akan menawarkan penangguhan untuk bayaran balik pinjaman/pembiayaan selama 6 bulan, berkuatkuasa 1 April ini untuk mengurangkan beban kewangan individu dan perniagaan yang terkesan dengan penularan COVID-19 ketika ini.

Mereka yang layak untuk penangguhan ini mestilah tidak mempunyai sebarang rekod bayaran tertunggak untuk lebih daripada 90 hari setakat 1 April 2020.

Bagaimanapun peminjam perlu mengambil maklum bahawa kadar faedah/keuntungan akan terus terakru untuk pinjaman/pembiayaan yang ditangguhkan dan ia perlu dibayar semula pada masa depan.

Peminjam dinasihatkan untuk memahami dan berbincang dengan pihak bank untuk mengetahui mengenai pilihan yang ada untuk membayar semula pinjaman/pembiayaan mereka selepas tempoh penangguhan tamat.

Untuk maklumat lanjut, sila klik Kenyataan Akhbar Bank Negara Malaysia di sini.

Apa yang boleh anda lakukan?

Sila hubungi bank di mana anda mengambil pinjaman/pembiayaan untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai tawaran penangguhan pinjaman/pembiayaan ini.

Soalan Lazim Klik di sini

Klik butang share

Facebook Twitter